

**Pas Johor Fail Petisyen Batal Keputusan PRU Di Satu Kerusi Parlimen, Tiga DUN
Johor
Bernama
10 June, 2013**

JOHOR BAHRU, 10 Jun (Bernama) -- PAS Johor Isnin memfailkan petisyen pilihan raya di Mahkamah Tinggi di sini untuk mengisytiharkan sebagai tidak sah dan membatalkan keputusan bagi satu kerusi Parlimen dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini pada pilihan raya umum 5 Mei lepas.

Kerusi parlimen berkenaan ialah bagi kawasan Pulai, dan tiga DUN ialah Gambir, Mahkota serta Nusajaya.

Petisyen difailkan menerusi peguam Mohd Fikah Sanusi dan Mohd Zulkhairi Ab Aziz.

Petisyen tersebut menamakan calon-calon Barisan Nasional yang menang dan Pegawai-pegawai Pengurus Pilihan Raya di Parlimen dan tiga DUN berkenaan serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai defendan.

"Dokumen yang lengkap sudah diterima pihak pendaftar mahkamah dan kini kita hanya perlu menunggu untuk mendapatkan tarikh pengurusan kes sebelum mendapatkan tarikh bicara," kata Mohd Fikah ketika ditemui.

Turut hadir Pesuruhjaya PAS Johor Datuk Dr Mahfodz Mohamed, Setiausaha PAS Johor Onn Jaafar, Anggota Dewan Undangan Negeri Mengkibol Tan Hong Ping, dan Yang Dipertua PAS Kluang Khairul Faizi Ahmad Kamil.

Pada pilihan raya tersebut, kerusi Parlimen Pulai dimenangi Datuk Nur Jazlan Mohamed dengan majoriti 3,226 undi menewaskan Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub.

M Asojan memenangi kerusi DUN Gambir dengan majoriti 310 undi menewaskan Mahfodz serta dua calon bebas Mohd Zan Abu dan Yunus Mustakim.

Md Jais Sarday pula memenangi kerusi DUN Mahkota dengan majoriti 1,108 undi menewaskan Khairul Faizi; manakala Dr Zaini Abu Bakar memenangi kerusi DUN Nusajaya menewaskan Salahuddin dengan majoriti 2,201 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955093>